

**PENGARUH TELEVISYEN TERHADAP TINGKAH LAKU KEGANASAN
MURID-MURID SEKOLAH**

HAMIDAH BINTI HAMDAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana
Pendidikan Psikologi

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JUN 2013

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid-murid sekolah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) terhadap murid-murid sekolah, mengenal pasti tahap tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid sekolah, mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid dengan jantina, mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid dengan bangsa, mengenal pasti hubungan yang signifikan antara pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) dengan tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid sekolah. Reka bentuk kajian yang digunakan berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Penyelidik menggunakan pendekatan deskriptif dan inferensi untuk mendapatkan maklum balas mengenai kesan pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid-murid sekolah. Responden kajian terdiri daripada 161 orang lelaki dan 147 murid sekolah rendah di sekitar Daerah Kulaijaya. Data dikumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah dirangka oleh penyelidik lepas. Analisis data menunjukkan bahawa faktor pengaruh televisyen dari aspek Situasi adalah paling dominan ($M=3.08$). Manakala tahap tingkah laku keganasan yang paling dominan pula adalah tahap tingkah laku keganasan dari aspek Buli ($M= 1.95$). Murid-murid merupakan modal insan yang paling berharga untuk negara kita. Semoga hasil kajian yang dijalankan menjadi panduan kepada pihak yang terlibat untuk bersama-sama mengambil langkah mengatasi masalah ini.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis	11
	1.7 Kerangka Teori	15
	1.8 Kerangka Konsep	16
	1.9 Kepentingan Kajian	19

1.10	Limitasi Kajian	21
1.11	Definisi Istilah	
1.11.1	Pengaruh Televisyen	22
1.11.1.1	Pelakon	22
1.11.1.2	Keganasan	23
1.11.1.3	Senjata	23
1.11.1.4	Situasi	24
1.11.1.5	Ditiru	24
1.11.1.6	Kesan	25
1.11.2	Tingkah laku Keganasan	
1.11.2.1	Buli	25
1.11.2.2	Vandalisme	26
1.11.2.3	Mencuri	26

BAB 2 SOROTON KAJIAN

2.1	Pengenalan	27
2.2	Teori- teori Kajian	
2.2.1	Teori Peniruan (Modelling)	28
2.2.2	Teori Pembelajaran Sosial	32
2.2.3	Teori Kognitif Sosial	39
2.2.4	Model Respon Kognitif	42
2.2.5	Teori Percanggahan Kognitif	43
2.2.6	Teori Perkembangan Diri	45
2.2.7	Teori Tingkah laku	46
2.3	Pengaruh Televisyen	49
2.4	Kajian- kajian lepas	51
2.5	Kesimpulan	56

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka bentuk Kajian	58
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.4	Persampelan	59
3.5	Instrumen Kajian	60
3.5.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	61
3.5.2	Bahagian B : Pengaruh Televisyen	61
3.5.3	Bahagian C : Tingkah laku Keganasan	63
3.6	Kajian Rintis	65
3.7	Analisis Data Kajian	66
3.8	Kesimpulan	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Analisis Demografi Kajian	
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	70
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	71
4.2.3	Taburan Purata Masa Menonton Televisyen	71
4.2.4	Taburan Jenis Rancangan yang Menjadi Kegemaran	72
4.2.5	Taburan Tahap Pendidikan Bapa	73
4.2.6	Taburan Tahap Pendidikan Ibu	73
4.3	Analisis Deskriptif	
4.3.1	Mengenal pasti Tahap Pengaruh Televisyen (pelakon, keganasan, senjata, tiru, kesan) Terhadap Murid- murid Sekolah	74

4.3.2	Mengenal pasti Tahap Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid Sekolah.	75
4.4	Analisis Inferensi	
4.4.1	Mengenal pasti Perbezaan yang Signifikan Dalam Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid dengan Jantina	76
4.4.2	Mengenal pasti Perbezaan yang Signifikan Dalam Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid antara bangsa	78
4.4.3	Mengenal pasti Hubungan yang Signifikan Pengaruh Televisyen (pelakon, keganasan, senjata, tiru, kesan) Terhadap Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid Sekolah	80
4.5	Kesimpulan	91

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	92
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1	Mengenal pasti Tahap Pengaruh Televisyen (pelakon, keganasan, senjata, tiru, kesan) Terhadap Murid- murid Sekolah	93
5.2.2	Mengenal pasti Tahap Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid Sekolah	96
5.2.3	Mengenal pasti Perbezaan yang Signifikan Dalam Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid	

	dengan Jantina	97
5.2.4	Mengenal pasti Perbezaan yang Signifikan Dalam Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid antara bangsa	99
5.2.5	Mengenal pasti Hubungan yang Signifikan Pengaruh Televisyen (pelakon, keganasan, senjata, tiru, kesan) Terhadap Tingkah laku Keganasan (buli, vandalisme, mencuri) Murid- murid Sekolah	100
5.3	Implikasi Kajian	103
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	104
5.5	Penutup	105

RUJUKAN

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid-murid sekolah. Dalam bab ini, penyelidik membincangkan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kerangka konsep, kepentingan kajian, limitasi kajian serta definisi istilah.

Secara umum, keganasan dapat difahami sebagai tingkah laku ganas dalam kalangan remaja yang melakukan gangsterisme, buli, pembunuhan, rogol dan peras ugut. Ramai ahli psikologi pendidikan yang membuat kajian punca keganasan ini berlaku, tetapi jawapannya lebih kepada sikap individu dan masalah keluarga. Tidak dinafikan ramai remaja mampu membawa diri tanpa mencetuskan masalah sosial, tetapi tidak kurang juga terjebak dengan kumpulan yang mudah bertindak liar seperti Punk, Black Metal dan Mat Rempit yang mempengaruhi ke arah keganasan di luar

rumah. Kaitan antara kewujudan gejala sosial remaja dengan peranan ibu bapa tidak dapat dipisahkan. Hal ini demikian kerana ibu bapa bukan saja menjadi penyumbang pembinaan sosial, tetapi mereka juga adalah contoh teladan dalam memupuk nilai murni dan sikap positif kepada anak. Oleh itu, apabila ibu bapa menghadapi konflik rumah tangga, anak akan melalui pelbagai masalah daripada keretakan dan perceraian yang berlaku. Kanak-kanak dan remaja terbiar tanpa interaksi sosial yang positif dan penerapan nilai murni.

Marican dan Mohammad (1995) menyatakan bahawa pengaruh media massa terhadap masalah sosial remaja sememangnya ketara. Media massa merujuk adalah surat khabar, majalah, radio, televisyen dan tayangan video. Majalah dari Barat banyak memaparkan elemen negatif dan budaya hidup yang tidak sihat. Bahan-bahan tersebut menjadi bahan bacaan dan tontonan yang amat digemari oleh murid-murid sekolah dan remaja. Kanak-kanak dan remaja yang terdedah kepada aspek keganasan dalam media, akan mempamerkan tingkah laku yang ganas dan agresif dalam kehidupan harian dan interaksi sosial berbanding kanak-kanak yang tidak terdedah kepada kandungan ganas dalam media (Congressional Public Health Summit, 2000).

Menurut Geen, (2001), tingkah laku keganasan tidak dapat diterangkan dengan satu maksud yang sama. Keganasan tingkah laku mempunyai perbezaan maksud dan perbezaan perbuatan. Keganasan tingkah laku boleh dikategorikan kepada fizikal, percakapan, secara langsung atau tidak langsung, kepasifan dan tindakan yang aktif. Makna keganasan ialah bagaimana kita menyatakan tentang keganasan tersebut. Sebagai contoh fizikal vs percakapan, secara langsung vs tidak langsung dan aktif vs pasif.

Keganasan fizikal termasuklah mencederakan fizikal orang lain seperti bergaduh, menendang, mencubit, memukul, mencakar sama ada menggunakan senjata ataupun merosakkan harta. Keganasan percakapan pula termasuklah penggunaan perkataan yang digunakan untuk menyakiti orang lain seperti panggilan nama yang tidak elok, menjerit kepada orang ataupun mengajuk apa yang orang lain perkatakan.

Tingkah laku keganasan dipelajari oleh seseorang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung daripada individu atau media. Antara faktor tersebut, televisyen merupakan media yang besar pengaruhnya terhadap tingkah laku seseorang terutama remaja. Televisyen akan mengganggu pembangunan kepintaran, kemahiran berfikir dan imaginasi (Kinderstart, 2000). Satu elemen penting pemikiran ialah mengadaptasi antara pengetahuan yang sedia ada dengan yang baru supaya mencapai suatu pemahaman baru. Dalam siaran televisyen, terdapat rancangan-rancangan yang mempunyai nilai pendidikan seperti siaran pendidikan, sukan dan dokumentasi. Namun kelazimannya rancangan begitu kurang menarik kepada sesetengah remaja yang nakal dan berkelakuan kasar atau ganas. Golongan seperti ini menggemari rancangan yang memaparkan adegan keganasan.

Walaupun setiap filem akan melalui penapisan di Malaysia, namun sukar dielakkan siaran dalam televisyen tanpa unsur keganasan. Paparan secara visual yang ada unsur bunyi, warna, pergerakan dengan lakonan yang menarik memang akan dapat menarik remaja untuk menontonnya. Pengaruh terhadap remaja boleh menjadi negatif sekiranya remaja terikut-ikut aksi keganasan yang ditayangkan. Masalah disiplin di sekolah sering dikaitkan dengan pengaruh televisyen, lebih-lebih lagi masalah disiplin yang melibatkan tingkah laku ganas pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid-murid sekolah.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Di Malaysia, penggiat filem lebih gemar menghasilkan filem berunsur ketimuran, romantik komedi, patriotik dan tidak kurang juga yang berintipatikan isu-isu semasa. Lembaga Penapisan Filem (LPF) telah menggariskan beberapa perkara yang tidak di benarkan terkandung dalam filem yang bakal di siarkan. Ini adalah salah satu usaha untuk mengekalkan budaya ketimuran Malaysia. Sudah pastinya bukan filem ‘orang kita’ sahaja yang menjadi sajian penonton untuk mencari hiburan selain mendapat maklumat. Lihat saja di panggung-panggung wayang dan jualan-jualan VCD dan DVD di beberapa pusat membeli-belah, filem-filem dari negara luar turut mendapat perhatian masyarakat kita. Filem budak sihir ‘Harry Potter’ sebagai contohnya telah menggegarkan industri perfileman di seluruh dunia kerana telah berjaya mencapai jualan berjuta-juta unit biarpun jalan cerita tersebut penuh khayalan dan imaginasi. Filem alam magik karya JK Rowling ini mampu mempengaruhi jutaan penonton seluruh dunia malah seorang kanak-kanak kecil mampu menghabiskan masa membaca buku tebal kisah budak sihir dan rakan-rakannya. Sememangnya tabiat membaca satu habit yang berfaedah tetapi sekiranya tidak terkawal boleh mengkhayalkan minda kanak-kanak hingga boleh mencipta dunia imaginasi tersendiri.

Filem-filem dari Barat sudah pastinya membawa unsur kebaratan dalam filem mereka. Begitu juga sebagaimana penggiat filem negara kita akan mempraktikkan budaya ketimuran dalam produk filem mereka. Tidak dinafikan penonjolan budaya yang di tampilkan dalam filem barat banyak terselit adegan ganas, perang, pengambilan dadah dan arak, pembunuhan, lucah, tidak bersopan, hasad dengki, mementingkan diri dan terlalu kebendaan. Selain itu penggunaan bahasa ‘asing’ atau bahasa rojak yang adakalanya membawa maksud yang kasar serta lucah sering menjadi ikutan remaja. Unsur-unsur negatif sebegini tidak sepatutnya menjadi sumber

hiburan yang ditonjolkan dalam filem. Sudah pasti ianya mampu menarik minat dan mempengaruhi minda malah perilaku audien khususnya golongan remaja.

Remaja mudah terpengaruh serta gemar mencuba sesuatu yang baru. Remaja begitu proaktif bagi mengaplikasikan diri dengan penggunaan alat-alat teknologi seiring dengan era teknologi canggih kini. Salah satu sebabnya adalah untuk mencari hiburan. Remaja pada masa kini begitu sinonim dengan filem, buktinya panggung-panggung wayang kebanyakannya pengunjungnya adalah terdiri daripada golongan remaja. Sama ada secara berkumpulan bersama rakan-rakan atau keluarga malah ada juga yang berpasangan bagi mengisi masa terluang.

Kemajuan era teknologi kini lebih memudahkan lagi golongan remaja mendapat dan menonton cerita atau filem yang tidak sepatutnya mereka tonton. Sesuai dengan perasaan ingin tahu, remaja pastinya gemar menonton corak jalan cerita yang pelbagai seperti keganasan dan imaginasi yang sering ditonjolkan oleh filem-filem barat. Tidak salah sekiranya mempunyai perasaan ingin mengetahui sesuatu tetapi remaja sendiri perlu menimbang sama ada sesuatu isi kandungan cerita itu boleh memberi manfaat yang sewajarnya ataupun tidak. Sekiranya pendedahan terhadap filem berunsurkan negatif ini dibiarkan berterusan tidak mustahil akan timbul perasaan ingin mencuba di kalangan remaja. Tidak hairanlah terjadinya kes-kes jenayah, pembunuhan, pergaulan bebas serta pengambilan dadah dan arak di kalangan remaja. Tidak mustahil antara sebab-sebab remaja melakukan kes-kes begini adalah berpunca daripada apa yang mereka tonton melalui media fotografi ini.

Menonton filem merupakan satu bentuk hiburan kepada remaja. Justeru itu, filem barat sekiranya ditonton remaja walaupun ianya mengandungi kebaikan tetapi kesan dan mudaratnya adalah lebih banyak. Sekiranya tidak dicegah serta tanpa

pengawasan yang rapi keadaan ini akan menambah masalah dari segi keperibadian seseorang individu terutama remaja sebagai pendukung masa depan negara. Dalam hal ini, pelbagai cara boleh diambil sebagai satu jalan penyelesaian yang menjurus kepada kerjasama semua pihak. Sebagai contohnya, garis panduan yang diatur oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan negara dan keharmonian kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk dan unsur-unsur negatif yang mungkin dipaparkan dalam sesetengah filem. Sejalan dengan tuntutan prinsip-prinsip Rukun Negara, kemasukan filem dari Barat bukanlah diharamkan sama sekali tetapi filem tersebut perlu disesuaikan dengan budaya negara kita dan boleh diterima sebagai tontonan umum kepada semua golongan.

Penerbit filem sering tersepit antara garis panduan tersebut dengan cita rasa penonton. Lazimnya, penghasilan dan penghayatan yang menarik dari filem Malaysia adalah hasil daripada penerimaan penonton khususnya remaja agar mereka lebih tertarik dengan budaya filem ditempat sendiri. Berkemungkinan filem barat menggunakan unsure-unsur sebegitu untuk menarik perhatian dan mempengaruhi minda remaja secara halus. Oleh yang demikian satu cara yang dinamik dan inovatif juga perlu di praktikan dalam filem kita diselit dengan unsur pengajaran dan pendidikan bagi menarik minat remaja menonton filem yang lebih memberi mnafaat.

Sebagai contoh, filem KL MENJERIT arahan Badaruddin Azmi berjaya menarik perhatian remaja kerana berkisar pada kehidupan mat rempit, satu fenomena remaja masa kini yang mana kesudahannya membawa pengajaran dan keinsafaan. Ini merupakan salah satu contoh filem yang menarik perhatian remaja tapi dalam masa yang sama menyedarkan mereka. Tidak dinafikan pengaruh media amat kuat sekiranya tidak diaplikasikan dengan baik. Begitu juga dengan filem. Perubahan filem juga mengikut peredaran zaman hinggalah terhasilnya filem moden di era globalisasi

ini. Segalanya berubah wajah dari segi pakaian, pertuturan, tingkah laku dan cara pergaulan. Golongan remaja tidak hanya terpengaruh tingkah laku tetapi cara pemakaian, gaya hidup dan segalanya sudah berubah sesuai dengan peredaran masa.

Penghujahan tentang isu- isu tingkah laku keganasan dalam kalangan murid-murid sekolah di negara ini mempunyai kaitan dengan isu identiti budaya dan pengaruh industri media. Umum mengetahui bahawa pada peringkat remaja, kebanyakan murid belum bijak membuat pilihan dan mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara. Kerap kali pilihan dan keputusan yang diambil oleh murid- murid sekolah ini adalah berdasarkan faktor keseronokan dan dipengaruhi rakan sebaya dan media masa.

Oleh yang demikian membuatkan murid- murid sekolah mudah terpengaruh dengan apa yang ditonjolkan melalui televisyen terutama yang mempunyai unsur keganasan sehingga dapat mempengaruhi tingkah laku keganasan mereka sama ada di rumah mahupun di sekolah.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Media Massa seperti televisyen walaupun membawa input baru ke dalam rumah dan penghuninya namun input itu sebenarnya tidak bertapis berdasarkan kesesuaian umur. Murid- murid atau kanak- kanak yang menonton cerita orang dewasa bakal mendapat input dewasa namun demikian kemungkinan besar dia tidak dapat mengendalikan input tersebut kerana pengetahuan terdahulu atau *prior knowledge* yang ada sebelum ini terlalu sedikit dan kecil.

Penerimaan input yang kurang bersesuaian dengan tahap pemikiran anak-anak ini berlaku kerana kebanyakan mereka yang masih kecil terutamanya murid-murid sekolah tidak mempunyai sistem untuk menangkis dan menapis input yang masuk ke dalam minda dan pemikiran mereka. Kanak- kanak kecil ini tidak dapat menilai yang mana satu betul atau salah. Ini kerana bagi kanak- kanak semuanya adalah sama. Kanak- kanak lebih gemar menghabiskan masa yang lama dengan menonton televisyen dan media massa yang lain kerana pada masa kini, aktiviti luar daripada rumah kurang dititik beratkan. Kanak- kanak lebih gemar dengan menghabiskan masa melakukan aktiviti hanya di dalam rumah menyebabkan mereka lebih tertumpu dengan televisyen sahaja.

Pada masa kini, tuntutan persekitaran yang sangat tinggi menyebabkan ramai ibu yang terpaksa keluar bekerja demi menampung kehidupan keluarga. Keadaan ini menyebabkan anak- anak mereka kurang mendapat perhatian ketika di umah. Anak-anak yang pulang daripada sekolah akan menghabiskan banyak masa dengan menonton televisyen. Keadaan ini akan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan setiap apa yang disiarkan melalui televisyen. Tontonan tanpa bimbingan dan

panduan daripada ibu bapa akan menyebabkan kanak-kanak membuat penilaian mereka sendiri.

Kanak-kanak yang terdiri daripada murid-murid sekolah mudah terpengaruh dan akibatnya mereka akan meniru setiap aksi keganasan yang ditayangkan bersama adik-beradik dan juga rakan sebaya yang lain.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) terhadap murid-murid sekolah
- ii. Mengenal pasti tahap tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid sekolah
- iii. Mengenal pasti perbezaan dalam tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) antara jantina
- iv. Mengenal pasti perbezaan dalam tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) antara bangsa
- v. Mengenal pasti hubungan antara pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) dengan tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid-murid sekolah

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidik telah mengemukakan beberapa persoalan kajian untuk mendapatkan maklumat dan meluaskan skop perbincangan tentang persoalan dalam kajian ini. Beberapa persoalan kajian yang ingin ditinjau dalam menghasilkan kajian lengkap daripada maklumat yang diperolehi ialah :

- i. Apakah tahap pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) terhadap murid- murid sekolah?
- ii. Apakah tahap tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid- murid sekolah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan dalam tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) antara jantina?
- vi. Adakah terdapat perbezaan dalam tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) antara bangsa?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pengaruh televisyen (pelakon, keganasan, senjata, situasi, ditiru, kesan) dengan tingkah laku keganasan (buli, vandalism, mencuri) murid- murid sekolah?

1.6 HIPOTESIS

Hipotesis merupakan saranan kepada masalah yang telah dikemukakan dan juga merupakan saranan sementara mengenai hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji oleh penyelidik

H₀1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku keganasan buli, antara jantina

H₀2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku vandalisme antara jantina

H₀3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku keganasan mencuri antara jantina

H₀4

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku keganasan buli antara bangsa

H₀5

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku keganasan vandalisme antara bangsa

H₀6

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku keganasan mencuri antara bangsa

H₀₇

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek pelakon dengan tingkah laku keganasan buli

H₀₈

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek pelakon dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀₉

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek pelakon dengan tingkah laku keganasan mencuri

H₀₁₀

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek keganasan dengan tingkah laku keganasan buli

H₀₁₁

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek keganasan dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀₁₂

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek keganasan dengan tingkah laku keganasan mencuri

H₀₁₃

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek senjata dengan tingkah laku keganasan buli

H₀14

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek senjata dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀15

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek senjata dengan tingkah laku keganasan mencuri

H₀16

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek situasi dengan tingkah laku keganasan buli

H₀17

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek situasi dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀18

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek situasi dengan tingkah laku mencuri

H₀19

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek tiru dengan tingkah laku keganasan buli

H₀20

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek tiru dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀21

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek tiru dengan tingkahlaku keganasan mencuri

H₀22

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek kesan dengan tingkah laku keganasan buli

H₀23


Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek kesan dengan tingkah laku keganasan vandalisme

H₀24

Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam pengaruh televisyen pada aspek kesan dengan tingkah laku keganasan mencuri

1.7 KERANGKA TEORI

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori berkaitan kajian yang dijalankan. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid- murid sekolah.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Teori Peniruan (Modelling) merupakan teori yang dikemukakan oleh Miller dan Dollard dinamakan pembelajaran sosial (*social learning*). Tingkah laku peniruan (imitative behavior) manusia terjadi kerana manusia merasa telah memperoleh pengetahuan dan pengalaman baru ketika meniru perilaku orang lain, dan memperoleh hukuman sekiranya tidak menirunya. Menurut Bandura, sebahagian besar tingkah laku manusia dipelajari melalui peniruan (imitation) mahupun penyajian contoh tingkah laku (modeling). Peniruan boleh berlaku hanya melalui pengamatan terhadap perilaku model (orang yang ditiru) meskipun tanpa sebarang peneguhan.

Teori Pembelajaran Sosial diperkenalkan oleh Albert Bandura, seorang ahli psikologi Kanada. Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Ini bererti persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku. Seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Justeru itu, tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep sendiri individu (Mahmood, 2001). Menurut Bandura, proses mengamati dan meniru perilaku dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar.


Pada teori belajar ini sering disebut S-R psikologis ertinya bahawa tingkah laku manusia dikendalikan oleh ganjaran dan penguatan atau dari lingkungan. Dengan demikian dalam tingkah laku belajar terdapat jalinan yang erat antara reaksi-reaksi tingkah laku dengan rangsangannya. Guru yang menggunakan pandangan ini berpandangan bahawa tingkah laku remaja merupakan reaksi terhadap rangsangan dan

tingkah laku adalah hasil belajar. Skinner (1977) percaya bahawa perkembangan keperibadian seseorang, atau perilaku yang terjadi adalah sebagai akibat dari tindak balas terhadap adanya rangsangan dari luaran. Bagi Skinner hal yang paling penting untuk membentuk keperibadian seseorang adalah melalui hasil dan hukuman.

Murid- murid menjadikan media massa terutamanya televisyen sebagai bahan tontonan utama ketika waktu lapang. Keadaan ini akan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan apa yang mereka tonton. Murid- murid akan memerhatikan setiap aksi ataupun tingkah laku yang ditonjolkan sama ada positif ataupun negatif. Hal yang demikian menyebabkan mereka ingin meniru dan melakukan aksi tersebut kerana merasakan bahawa tingkah laku terutamanya yang bersifat keganasan akan menjadikan mereka hebat dan dikagumi rakan sebaya yang lain.

1.8 KERANGKA KONSEP

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep berkaitan kajian yang dijalankan ini. Pernyataan di bawah menerangkan tentang kerangka konsep ini. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengaruh televisyen terhadap tingkah laku keganasan murid- murid dan mengenal pasti tahap tingkah laku keganasan murid- murid sekolah.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kepada ibu bapa. Melalui kajian ini adalah diharapkan agar hasil kajian ini membantu ibu bapa untuk menegetahui punca berlakunya masalah tingkah laku dikalangan anak- anak mereka. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi panduan dan pengetahuan kepada ibu bapa bahawa mereka perlu mengawasi anak-anak ketika menonton televisyen terutama cerita yang berunsurkan keganasan. Ini kerana, anak- anak mereka terutama yang masih kecil dan bersekolah sangat mudah terpengaruh kepada kesan negatif televisyen.

Kepentingan kepada masyarakat. Melalui kajian ini juga diharapkan adanya kesedaran dalam masyarakat bahawa begitu besarnya pengaruh persekitaran terutamanya televisyen sangat mempengaruhi murid- murid sekolah. Pengaruh televisyen dapat membentuk pola dan tingkah laku keganasan murid- murid kerana minda mereka mudah terpengaruh dengan anasir- anasir luar yang ditonjolkan dalam televisyen.

Kepentingan kepada penyelidik. Selain itu, kajian ini juga turut dapat meningkatkan pengalaman dan pengetahuan penyelidik sebagai guru untuk mengenal pasti tingkah laku pelajar terutamanya bagi pelajar yang mempunyai masalah disiplin tingkah laku. Pengetahuan ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai suatu garis panduan kepada para penyelidik untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling supaya aktiviti itu selaras dengan proses sosialisasi pengajaran dan pembelajaran di pusat pendidikan khususnya di sekolah.

Kepentingan kepada sekolah. Kajian juga dijalankan untuk memberi pendedahan kepada pihak sekolah untuk mengetahui dengan lebih jelas mengapa berlakunya keganasan dikalangan murid- murid. Pihak sekolah juga boleh menjalankan program yang dapat membantu memberi pendedahan kepada murid- murid tentang bahaya dan kesan negatif pengaruh televisyen terhadap diri mereka.

Kepentingan kepada Media massa. Dalam membantu mengurangkan masalah tingkah laku keganasan di kalangan murid- murid sekolah, pihak media massa sangat berkepentingan dalam kajian ini. Kajian diharap dapat mebantu media massa menapis segala unsur terutama dalam televisyen untuk ditonton oleh penonton terutama dikalangan murid- murid sekolah. Ini kerana, media massa merupakan faktor utama yang mempegaruhi tingkah laku keganasan murid- murid.

1.10 LIMITASI KAJIAN

Dalam melengkapkan kajian ini, terdapat halangan dan limitasi yang perlu diharungi penyelidik bagi melengkapkan kajian.

Kajian dijalankan melibatkan murid- murid sekolah rendah dan menengah yang mempunyai masalah disiplin di sekolah. Data diambil daripada guru disiplin dan bahagian Hal Ehwal Murid sekolah. Oleh yang demikian, setiap data murid adalah sulit untuk diketahui umum. Segala maklumat perlu menjadi rahsia bagi menjaga kepentingan murid, pihak sekolah dan ibu bapa. Sekiranya maklumat didedahkan akan menjadi masalah kepada pihak sekolah sekiranya maklumat sampai kepada pihak luar.

Menjadi masalah untuk mendapatkan data yang lengkap kerana murid- murid yang menghadapi masalah tingkah laku ini sukar untuk memberi fokus kepada setiap persoalan yang diajukan.

Kajian juga menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat lengkap tentang butir peribadi murid. Ini kerana, setiap data murid yang mempunyai masalah disiplin adalah sulit untuk diketahui umum. Kebanyakan maklumat dan data murid yang mempunyai masalah disiplin di sekolah tidak dapat diambil dengan mudah. Jenis kesalahan juga tidak boleh diberitahu secara umum kepada pengkaji. Data juga tidak boleh diambil daripada unit bimbingan dan kaunseling sekolah. Walaupun, segala maklumat boleh diperolehi daripada unit ini, tetapi ianya tetap tidak boleh didedahkan kepada umum.

1.11 DEFINISI ISTILAH

1.11.1 Pengaruh Televisyen

Salah satu daripada banyak cara di mana kanak-kanak belajar untuk menjadi agresif adalah melalui tontonan televisyen mereka. (Carlsson & von Feilitzen, 1998; Huston & Wright, 1998; Parke & Slaby, 1983).

Marican dan Mohammad (1995) menyatakan bahawa pengaruh media massa keatas gejala sosial remaja sememangnya ketara. Maksud media massa disini adalah surat khabar, majalah, radio, televisyen dan tayangan video. Majalah- majalah barat memaparkan gejala- gejala negaif dan budaya hidup yang tidak sihat. Kesemua ini telah menjadi bahan bacaan dan tontonan yang amat digemari oleh murid- murid sekolah dan remaja.

1.11.1.1 Pelakon

Pelakon adalah mereka yang melakonkan sesuatu watak di dalam sesuatu pementasan seperti bangsawan, teater, Mak Yong, Menora, atau penerbitan seperti filem, drama, lakonan, dan lain- lain.

Biasanya seseorang pelakon akan melakonkan watak khayalan. Untuk kisah benar, pelakon tersebut mungkin melakonkan watak orang sebenar. Kadangkala, pelakon juga muncul sebagai diri mereka sendiri. Pelakon yang mempunyai daya

tarikan yang kuat kepada penonton akan dapat menarik minat penonton untuk meniru setiap tindakan dan memberi impak yang besar.

1.11.1.2 Keganasan

Keganasan merupakan masalah dalam tingkah laku dan ianya dipelajari dari awal kehidupan lagi dan berterusan serta tahan kepada perubahan. (Eron,1986). Tahap keganasan dalam televisyen, terutama dalam pengaturcaraan kanak-kanak, telah diteliti dan didokumenkan selama hampir empat dekad. (Gerbner, Gross, & Morgan, 1994).

1.11.1.3 Senjata

Calvin (1982) menerangkan bahawa penggunaan senjata memainkan peranan penting dalam evolusi penyelarasan mata-tangan, pembangunan bahasa, dan memberikan kelebihan kepada orang zaman dahulu dengan daya saing yang penting dengan membenarkan pemburu untuk menjauhkan mereka dari mangsa berbahaya dan membolehkan menangkap mangsa baru.

Penggunaan instrumental alat untuk tujuan serangan dan pertahanan jelas di seluruh kedua-dua manusia dan bukan manusia. Penggunaan senjata dalam televisyen sangat mempengaruhi penonton terutama murid- murid sekolah untuk mengikut dan meniru setiap aksi yang ditonjolkan.

1.11.1.4 Situasi

Situasi lakonan yang ditunjukkan akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku kita. Ini kerana, ia boleh dipengaruhi oleh imej-imej jenayah, mangsa, pesalah dan sistem keadilan jenayah yang dipersembahkan kepada kita dalam drama jenayah. Situasi yang ditunjukkan dan imej yang dipaparkan ini mungkin meningkatkan kefahaman penonton tentang penganiayaan dan tingkah laku keganasan yang ditonjolkan. Imej dan situasi keganasan tingkah laku keganasan yang ditonjolkan secara amnya perlu menyediakan maklumat tentang kemungkinan kesan penganiayaan yang ditunjukkan, cara-cara untuk mencegah penganiayaan, dan kesan keatas mangsa

1.11.1 5 Ditiru

Pingree et. al (1991), menyatakan bahawa secara tersirat penonton yang menonton televisyen secara berterusan berpotensi mendapat kesan kognitif, afektif dan tingkahlaku yang berbeza dengan mereka yang menonton televisyen dalam masa yang dipecah- pecahkan.

Keganasan dalam media massa juga telah dikaji sebagai faktor yang berpotensi menyumbang kepada keganasan murid- murid sekolah dan belia. Meta-analisis menunjukkan bahawa media-tontonan keganasan dikaitkan dengan tahap yang lebih tinggi tingkah laku antisosial, bermula dari meniru keganasan yang ditujukan terhadap mainan kepada keganasan jenayah serta penerimaan keganasan sebagai penyelesaian kepada masalah dan meningkat perasaan permusuhan. (Huesmann & Guerra, 1997).

1.11.1.6 Kesan

Televisyen sering menggambarkan keganasan sebagai satu cara yang baik untuk menyelesaikan masalah, cara yang membawa kepada status yang tinggi kepada penyerang dan juga boleh membawa kepada kesan yang menyeronokkan. (Groebel, 2001). Beberapa kajian mengenai kesan media berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial menyediakan bukti bahawa wujudnya hubungan antara isi kandungan televisyen dengan sikap kesan daripada pendedahan yang berlaku. Kajian-kajian ini telah melihat kesan tontonan televisyen terhadap sikap, nilai, personaliti dan persepsi (Samsudin & Latifah, 2000)

1.11.2 Tingkah laku keganasan

Dengan menonton siaran televisyen berbentuk keganasan ianya merupakan salah satu bentuk pembelajaran terutama bagi kanak-kanak untuk belajar tingkah laku keganasan ini. Jika tontonan televisyen berbentuk keganasan boleh dibendung dan disekat dikalangan kanak-kanak seterusnya kita juga dapat mengurangkan kelakuan dan tingkah laku keganasan dikalangan mereka.

1.11.2.1 Buli

Satu realiti yang menyedihkan bagi kanak-kanak usia sekolah yang banyak adalah penganiayaan di tangan rakan-rakan mereka, sejak zaman kanak-kanak membuli adalah satu masalah yang meluas di banyak negara di seluruh dunia. (Harel-Fisch et al., 2010). Buli boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk fizikal

(contohnya, memukul, meludah), lisan (contohnya, ancaman, penghinaan), sosial (contohnya, pengecualian sosial, gosip), dan siber buli (contohnya, mesej berniat jahat merebak melalui Internet atau sel telefon). (Craig, Pepler, & Blais, 2007).

1.11.2.2 Vandalisme

Maksud vandalisme menurut kamus Dewan adalah satu bentuk jenayah di sisi moral. Sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotori, atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme. Vandalisme juga dikenali sebagai gejala laku musnah iaitu tabiat seseorang membinasakan harta benda awam dan juga harta benda orang lain. Perkataan vandalisme ini berasal daripada nama sebuah puak di Eropah yang dikenali sebagai Vandal.

1.11.2.3 Mencuri

Mencuri adalah mengambil harta milik orang lain dengan tidak hak untuk dimilikinya tanpa sepengetahuan pemiliknya. Mencuri boleh dibahagi kepada dua bahagian. Pencurian secara aktif adalah tindakan mengambil hak milik orang lain tanpa pengetahuan si pemilik. Kedua, pencurian secara pasif bermakna tindakan menahan apa yang seharusnya menjadi milik orang lain.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1994). *Social Cognitive Theory of mass communication*. In J. Bryant & D. Zillmann (Eds), *Media effects: Advance in theory and research* (pp. 61 – 90). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Calvin, W. H. (1982). *Did throwing stones shape hominid brain evolution?* *Ethology and Sociobiology*, 3, 115–124
- Carlsson, U., & von Feilitzen, C. (Eds.). (1998). *Children and media violence*. Goteborg, Sweden: The UNESCO International Clearinghouse on Children and Violence.
- Centers for Disease Control and Prevention, National Center for Chronic Disease Prevention and Health Promotion, Youth Risk Behavior Surveillance System (YRBSS), 2009.
- Craig, W., Pepler, D., & Blais, J. (2007). *Responding to bullying: What works?* *School Psychology International*, 28(4), 465–477.
- Congressional Public Health Summit. (2000). *Joint statement on the impact of entertainment violence on children*. Retrieved October 25, 2012, from www.aap.org/advocacy/releases/jstmtevc.htm
- Dictionary.com (2005). <http://dictionary.reference.com/search?q=media>
- Eron, L. D. (1986). *Interventions to mitigate the psychological effects of media violence on aggressive behavior*. *Journal of Social Issues*, 42, 155–169.
- Gerbner, G., Gross, L., & Morgan, M. (1994). *Television violence profile no. 16: The turning point from research to action*. Philadelphia: The Annenberg School for Communications, Univ. of Pennsylvania.
- Harel-Fisch, Y., Walsh, S. D., Fogel–Grinvald, H., Amitai, G., Pickett, W., Molcho, M., et al. (2010). *Negative school perceptions and involvement in school bullying: A universal relationship across 40 countries*. *Journal of Adolescence*. doi:10.1016/j.adolescence.2010.09.008.

- Huesmann, L. R., & Guerra, N. G. (1997). *Children's normative beliefs about aggression and aggressive behavior*. *Journal of Personality and Social Psychology*, 72, 408-419
- Huston, A.C., & Wright, J.C. (1998). *Mass media and children's development*. In W. Damon (Series Ed.), and I.E. Sigel & K.A. Renninger (Vol. Eds.), *Handbook of child psychology: Vol. 4. Child psychology in practice* (5th ed., pp. 999–1058). New York: John Wiley & Sons.
- Kaiser Family Foundation. (1999). *Kids and media the new millennium*. Menlo Park, CA: Author
- Kinderstart (2000). TV and elementary kids. Retrieved October 17, 2012, from http://.kinderstart.com/frame_for_links.php?redirect=http://www.limitv.org/kids.htm
- Marican, S. & Mahmood Nazar Mohamed. 1995. "Pencemaran budaya remaja: siapakah yang bertanggungjawab". *Jurnal Kebajikan*. 17. (1).
- Meller, R.H. (1996). *The effects of television violence on children*. Mini symposium: Conflict and violence. 217-220.
- National Center for Educational Statistics (2007). Indicators of school crime and safety: 2006. Capaian August 21, 2007, daripada <http://nces.ed.gov/programs/crimeindicators/index.asp>
- Parke, R. D., & Slaby, R. G. (1983). *The development of aggression*. In P. H. Mussen, & E.M.Hetherington (Eds.), *Handbook of child psychology*, 4th ed. Socialization, , and social development, Vol. 4. (pp. 547–642). New York: John Wiley.
- Pepler, D. J., & Sedighdeilami, F. (1998, October). Aggressive girls in Canada (Rep. No. W-98-30E). Applied Research Branch, Strategic Policy, Human Resources Development Canada, Hull, Quebec, Canada. Retrieved June 1, 2001, from www.hrdc-drhc.gc.ca/stratpol/arb/publications/research/abw-98-30e.shtml

- Pingree, S. Hawkins, R.P. Smaragdi, U.J. Rosengreen, K.A. & Reynolds, N. 1991. *Television structures and adolescent viewing patterns: A Swedish-american comparison*. European Journal of Communications, 6. pp. 417 – 440
- Robers, S., Zhang, J., and Truman, J. (2012). Indicators of School Crime and Safety: 2011 (NCES 2012-002/NCJ 236021). National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education, and Bureau of Justice Statistics, Office of Justice Programs, U.S. Department of Justice. Washington, DC.
- Samsudin A. Rahim & Latifah Pawanteh. 2000. *Media penetration and cultural consequences on adolescents in Malaysia*. Jurnal Komunikasi. 16. pp 51 – 70.
- Strasburger, V. C. (1997). “*Sex, drugs, rock ‘n’ roll,*” and the media: Are the media responsible for adolescent behavior? Adolescent Medicine: State of the Art Reviews, 8,403-414.
- U.S. Department of Education, National Center for Education Statistics. (2012). Indicators of School Crime and Safety: 2011 (NCES 2012-002). Capaian Ogos 2012, <http://nces.ed.gov/fastfacts/display.asp?id=49>